

# Perubahan kecil kedudukan calon di Sarawak

22

PUTRAJAYA 16 Nov. — Kedudukan calon-calon yang akan bertanding bagi kerusi Parlimen di Sarawak pada pilihan raya kali ini akan berlaku sedikit perubahan, kata Ketua Menterinya, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Kata beliau, secara dasarnya Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan pembahagian kerusi di negeri itu yang akan menyaksikan beberapa perubahan kecil.

Bagaimanapun, beliau

menyerahkan kepada Perdana Menteri bagi mengumumkan perubahan itu.

“Kita (Sarawak) tidak ada masalah,” katanya ketika ditanya mengenai agihan kerusi di negeri itu selepas mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir di sini, hari ini.

Ditanya sama ada akan ada pertukaran atau perubahan, beliau berkata: “Kita memang ada pertukaran tetapi biarlah Perdana Menteri yang mengisytiharkan.”

Beliau juga enggan men- gulas apabila ditanya be-

rapa ramai yang terlibat serta kedudukan Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustafa. “Tidak tahu saya, tanya Perdana Menteri,” katanya.

Sementara itu, MIC juga turut menyerahkan kepada Dr. Mahathir dalam menentukan calon yang akan bertanding.

Presidennya, Datuk Seri S. Samy Vellu ketika ditemui selepas mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir berkata, beliau telah menyerahkan senarai calon MIC kepada Perdana Menteri.

“Senarai nama saya sudah kemuka (kepada Dr. Mahathir) tetapi tidak boleh diumumkan sehingga mendapat kelulusan daripada Perdana Menteri,” katanya.

Beliau juga enggan men- gulas sebarang perubahan calon dalam MIC pada pilihan raya kali ini kerana keputusan muktamad di tangan Dr. Mahathir.

“Kena tunggu sampai dapat keputusan Perdana Menteri. Saya tidak boleh kata, kena tunggu sampai dia (Dr. Mahathir) luluskan,” katanya.